

## Bekalan ayam mencukupi untuk Aidilfitri dan Gawai

2020-05-20T13:20:12+08:00

oleh Jeremy Lanson



**Utusan  
Borneo**  
*Online*

Anggota penguatkuasa KPNDHEP menjalankan pemeriksaan harga ayam di pasar awam. - Gambar ihsan KPDNHEP

**KUCHING:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan bekalan daging ayam adalah mencukupi untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Gawai.

Pengarah KPDNHEP Sarawak, Datuk Stanley Tan berkata Kementerian itu bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan saling bekerjasama dalam memastikan keperluan harian mencukupi dan pada harga yang berpatutan.

Justeru, beliau mengingatkan orang ramai agar membeli mengikut keperluan dan elakkan pembaziran.

"Hasil lawatan pemeriksaan ke atas tiga ladang utama di Sarawak mendapati satu daripada ladang telah dimaklumkan oleh pengurusnya dapat membekalkan purata 14,000 ekor ayam sehari.

"Manakala dua lagi ladang purata dapat membekalkan 8,000 ekor dan 35,000 ekor ayam sehari iaitu masing-masing untuk keperluan seluruh rakyat di negeri ini dari Kuching sehingga ke Limbang dan Lawas," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

KPDNHEP juga akan melaksanakan Skim Harga Maksimum Perayaan bagi tahun 2020.

"Skim untuk Hari Raya Aidilfitri akan bermula 20 Mei (hari ini) hingga 3 Jun, dan untuk Hari Gawai serta Pesta Kaamatan akan bermula 28 Mei hingga 3 Jun.

"Diharapkan harga ayam adalah terkawal mengikut harga yang diwartakan oleh Kementerian," kata Stanley.

Beliau selain itu, memberitahu pemantauan oleh pihaknya juga mendapati tiada kenaikan harga jualan ayam dari tempoh Januari hingga Mei.

"Semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga Perintah Kawaan Pergerakan Bersyarat (PKPB), harga ayam ialah RM6.90 hingga RM8.50 sekilogram dan harga tersebut adalah pada aras normal dan tidak menunjukkan kenaikan.

"Bagaimanapun, sehingga 18 Mei, sebanyak 31 Notis Seksyen 21 Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dikeluarkan iaitu 15 notis kepada peniaga ayam di pasar awam, pembekal (8); dan lapan lagi kepada peladang," jelasnya.

Tambahnya juga, peniaga yang didapati menaikkan harga ayam jika disabitkan kesalahan boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Manakala untuk syarikat atau pertubuhan perbadanan akan dikenakan hukuman denda sehingga RM500,000.

"Oleh itu, peniaga di setiap peringkat diberi amaran agar tidak mengambil kesempatan menaikkan harga secara tidak munasabah," tegasnya.

Orang ramai yang ingin membuat aduan kepada KPDNHEP boleh menghubungi hotline 1-800-886-800 atau Portel e-aduan KPDNHEP di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau WhatsApp 019-2794317.

"Aduan juga boleh dibuat terus ke mana-mana pejabat kementerian dan untuk makluman sepanjang tempoh PKP ini, bilik gerakan Enforcement Command Centre (ECC) KPDNHEP Sarawak dibuka dari jam 8 pagi hingga 6 petang setiap hari," katanya.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/20/bekalan-ayam-mencukupi-untuk-aidilfitri-dan-gawai>